

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

OKTOBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan

Oleh

NUR DAHLIA BT MOHD HAITHIR


bertajuk

**CADANGAN MEREKABENTUK RUANG DALAMAN BARU
BUTIK KANAK-KANAK MUSLIMAH AL AMIN KIDS**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia laporan

:

 2/11/09

En. Othman B. Haji Mohd Nor

Koordinator kursus

:

Pn. Azizah Bte. Md Ajis

Koordinator program

:

Prof. Madya Dr. Sabrizaa B. Abd Rashid

ABSTRAK

Projek akhir Rekabentuk Dalaman di peringkat Diploma ini adalah merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek projek rekabentuk dalaman yang telah dipelajari daripada peringkat paling asas hingga ke peringkat persembahan cadangan rekabentuk. Projek yang telah dipilih bagi projek akhir ini ialah cadangan rekabentuk skema baru butik Al Amin Kids yang berlokasi di Jusco Kinta City, tingkat 1, no F12, F13, F14 dan F15, Jln The Lean Swee, Off Jln Sultan Azlan Shah Utara, 31400 Ipoh, Perak. Dengan terbinanya butik muslimah untuk kanak-kanak yang berumur 2 hingga 17 tahun di Jusco Kinta City di Ipoh itu, dapat membantu ibubapa yang ingin mencari pakaian yang bersesuaian untuk anak-anak mereka yang menutup aurat dan mengikut syariat Islam. Pada zaman 'modern' ini, sukar untuk ibubapa yang ingin mencari pakaian yang bersesuaian dan menutup aurat untuk anak-anak mereka. Hal ini kerana, ibubapa perlulah mendidik anak-anak tentang cara berpakaian yang mengikut syariat Islam. Anak-anak dilahirkan suci, ibubapalah yang mencorakkan peribadi anak-anak itu. Tema dan konsep juga diaplikasikan dalam 'interior' dengan tujuan untuk menarik perhatian pengunjung dan juga untuk menceriakan butik Al Amin Kids tersebut. Beberapa penyelidikan telah dijalankan bagi menjayakan projek akhir butik Al Amin Kids ini, di antaranya termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian, kajian kes dan kajian soal selidik. Kesemua kajian – kajian tersebut adalah bertujuan mengenal pasti kelemahan – kelemahan yang ada dan juga cuba untuk mengatasi beberapa masalah yang timbul. Kajian – kajian yang telah dijalankan ini akan diterapkan di dalam proses rekabentuk, dengan tujuan mendapatkan satu reka bentuk yang menarik dan sesuai dengan imej muslimah untuk kanak-kanak samada dari segi fungsi dan nilai estetikanya. Konsep pemberian nafas baru dan konservasi serta imej moden juga diterapkan untuk mendapatkan satu imej yang segar, baru dan dapat ditonjolkan di dalam rekaan supaya butik tersebut akan menjadi salah satu contoh untuk butik kanak-kanak muslimah yang lain.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Rajah	iv
Senarai Jadual	v
Senarai Lampiran	vi
Senarai Singkat Kata	vii

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1.0	PENDAHULUAN	
	m/s	
1.1	PENGENALAN	1
1.2	METODOLOGI KAJIAN	4
1.3	MATLAMAT KAJIAN	6
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	7
1.5	SKOP KAJIAN	8
1.6	HALANGAN KAJIAN	9
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	10
BAB 2.0	KLIEN	
2.1	LATAR BELAKANG	11
2.2	CARTA ORGANISASI	12
2.3	VISI DAN MISI KLIEN	13
2.4	IMEJ KORPORAT KLIEN	14

BAB 3.0	KAJIAN DAN ANALISA	
3.1	PEMILIHAN TAPAK	15
3.2	LATAR BELAKANG TEMPAT KAJIAN	17
3.3	ANALISA TAPAK	18
3.4	SENIBINA BANGUNAN	37
BAB 4.0	KAJIAN KES	
4.1	PENGENALAN KEPADA KAJIAN KES	40
4.2	KAJIAN KES 1	41
4.3	KAJIAN KES 2	44
4.4	KAJIAN KES 3	48
4.5	KAJIAN KES 4	53
4.6	JADUAL PERBANDINGAN KAJIAN KES	57
BAB 5.0	PROJEK	
5.1	PENGENALAN	60
5.2	KEHENDAK KLIEN	60
5.3	SKOP KERJA	64
5.4	KERJA-KERJA DALAMAN	65
5.5	KERJA-KERJA LUARAN	66
BAB 6.0	CADANGAN REKABENTUK	
6.1	PENGENALAN	67
6.2	CADANGAN REKABENTUK	71
6.3	SKEMA REKABENTUK	78
6.4	ELEMEN-ELEMEN REKABENTUK	86
6.5	CADANGAN REKABENTUK AKHIR	100
6.6	RUMUSAN	104

**Senarai Rujukan
Lampiran**

BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Laporan yang saya hasilkan adalah merekabentuk baru bagi Butik Al Amin Kids untuk projek terakhir Diploma Senibina Rekabentuk Dalam. Kepentingan projek ini adalah untuk memberi cadangan rekabentuk mengikut kehendak klien dan dapat menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan merekabentuk sesuatu projek.

Tapak asal Busana Al Amin Kids di SACC Mall, Shah Alam siap di bina pada 1 Julai 2007 dan beroperasi sebagai busana yang menyediakan koleksi pakaian kanak-kanak muslim yang meliputi tema kasual, santai, majlis keraian, Ibadat, pakaian mandi dan aksesori. Al Amin Kids turut memastikan setiap rekaan dan material yang dipilih akan memberi keselesaan kepada kanak-kanak selain penggunaan rona warna yang lembut. Beliau juga menghasilkan corak dan rekaan pakaiannya sendiri sebelum menghantarnya ke China untuk dijahit kerana kualiti material yang lebih baik serta kosnya yang lebih murah. Al Amin Kids menawarkan harga berpatutan iaitu dibawah Rm50 selain pelbagai tawaran promosi menarik khususnya pada musim cuti persekolahan dan perayaan

Lokasi tapak di Jusco Kinta City, Ipoh, Perak dicadangkan untuk membuka Butik Al Amin Kids. Ini kerana ia merupakan pusat membeli-belah yang pesat di daerah Ipoh. Terdapat kawasan perumahan disekeliling Jusco Kinta City. Di dalam bangunan Jusco terdapat kemudahan untuk pengguna yang mahu membeli-belah di dalam bangunan tersebut kerana terdapat pelbagai jenis kedai yang ada di dalam satu bangunan.

Kesimpulannya, satu tema dan konsep perlu difikirkan mengikut kehendak klien supaya projek yang dijalankan dapat direalisasikan